

01 OCT 1997

Jerebu-Law

INDONESIA SEHARUSNYA BERBUAT LEBIH LAGI UNTUK TANGANI JEREBU

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia, sebagaimana juga rakyat negara jiran Singapura, mahukan Indonesia lebih banyak bertindak dalam menangani jerebu yang disebabkan oleh kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera sehingga menyelubungi negara ini dan bahagian lain di rantau ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata perasaan dan kekecewaan yang dirasakan rakyat Malaysia kerana kurangnya tindakan yang diambil oleh Indonesia telah dibawa ke mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

"Kita telah sampaikan kepada kerajaan bahawa rakyat secara umumnya mahu melihat tindakan yang lebih. Kita juga membayangkan perasaan rakyat...kerana daripada maklumat balas yang kita terima, kita tahu perasaan mereka," kata beliau kepada pemberita di sini selepas menghadiri mesyuarat Kabinet hari ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang melakukan lawatan rasmi ke Amerika Latin.

Law berkata kerajaan sedar tentang perasaan rakyat dalam perkara itu. "Kita juga tahu kesabaran semakin hilang. Orang ramai kecewa kerana ia membabitkan kegiatan ekonomi dan kehidupan sosial dan harian mereka."

Semalam, lidah pengarang akhbar Straits Times Singapura menyelar Jakarta dan berkata bahawa kesabaran rakyat Singapura dan Malaysia semakin hilang dan lebih banyak tindakan perlu dilakukan oleh pegawai-pegawai Indonesia bagi menangani kebakaran yang telah berlarutan beberapa minggu itu.

Ketika ditanya mengenai reaksi Kabinet, Law berkata: "Kabinet mengambil perhatian...selama ini Malaysia telah memainkan peranan yang sangat aktif. Malahan kita mahu Indonesia memainkan peranan yang sama atau bekerjasama."

Katanya Malaysia telah menghantar surat kepada menteri-menteri alam sekitar negara-negara Asean berhubung dengan peranan mereka dan cara membantu Indonesia memadamkan kebakaran.

"Saya menghantar surat itu seminggu yang lalu, menggesa mereka menunjukkan semangat Asean," katanya.

Law juga berkata Presiden Suharto baru-baru ini telah membalas surat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas.

Bagaimanapun beliau enggan menyatakan isi kandungannya.

Dr Mahathir dalam suratnya mengenai masalah jerebu antara lain mencadangkan supaya nama syarikat Malaysia yang terbabit dengan pembakaran hutan di Sumatera dihebahkan kepada umum.

Law berkata kerajaan telah melakukan apa yang seharusnya dilakukannya dalam menangani jerebu dan dalam membantu Indonesia memadamkan kebakaran.

Katanya walaupun bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) menunjukkan perkembangan yang semakin baik dan negara kini bebas daripada jerebu, kerajaan masih mengikuti bacaan indeks itu dan memerhati gambar satelit mengenai tompok-tompok merah di wilayah Indonesia.

Mengenai kenyataan Ketua pembangkang Lim Kit Siang semalam, Law berkata kementerianya telah melakukan semua yang perlu dilakukannya untuk menangani situasi tersebut.

Lim, Setiausaha Agung DAP, telah menyifatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebagai "kementerian yang tidak penting" dan ini, katanya, menjelaskan mengapa cadangan yang dibuat oleh kementerian itu

tidak diberi perhatian serius oleh kerajaan. -- BERNAMA  
RAZ NN NMO